



MANUAL PENGGUNA

**PERMOHONAN PAKAR BIDANG KHUSUS
(SME ICT)**

KANDUNGAN

1. MUKA UTAMA	1
2. DAFTAR MASUK KE DALAM SISTEM PENGURUSAN KERJAYA (SPK)	1
3. MENU UTAMA SPK.....	2
4. PERMOHONAN SME	2
4.1. Perakuan Pegawai.....	3
4.2. Perakuan <i>Subject Matter Expert</i> (SME)	3

PENERANGAN FUNGSI IKON

Bil	IKON	KETERANGAN FUNGSI
1		Papar
2		Kemaskini
3		Maklumat Lengkap
4		Hapus Maklumat
5		Simpan maklumat yang dikunci masuk (maklumat tidak dihantar kepada penyelia)
6		Simpan maklumat dan hantar kepada penyelia
7		Simpan maklumat (sebarang perubahan pada maklumat projek akan dihantar kepada penyelia untuk pengesahan)
8		Kemaskini draf dan maklumat tidak dihantar kepada penyelia
9		Kembali ke layar sebelum
10		Kemaskini draf dan maklumat akan dihantar kepada penyelia

1. MUKA UTAMA

Muka hadapan SPK memaparkan makluman mengenai Sistem Pengurusan Kerjaya. Makluman pada muka utama sistem akan berubah dari masa ke semasa bagi memberi maklumat terkini kepada pengguna SPK.



SKRIN: MUKA UTAMA SPK

2. DAFTAR MASUK KE DALAM SISTEM PENGURUSAN KERJAYA (SPK)

Log masuk dengan menggunakan <No Kad Pengenalan> dan pilih akses sebagai “Pegguna Biasa” dan klik [OK].

SKRIN: DAFTAR MASUK SPK

3. MENU UTAMA SPK

Paparan utama SPK adalah seperti di bawah:

The screenshot displays the SPK user interface. On the left, a green-bordered sidebar titled 'Menu Utama' lists various menu items. The main area shows the 'Profil Pegawai' page for 'ALI BIN ABU'. The page includes a navigation bar with 'Profil Peribadi', 'Bahasa', 'Pendidikan', and 'Anugerah'. The 'Profil Peribadi' tab is active, showing a user profile with a photo and various fields: Nama Pegawai (ALI BIN ABU), Gelaran (Encik), Tarikh Lahir (Mar 31 1968), Negara Lahir (Malaysia), Agama (Islam), No Tel. Bimbit (012-1234567), Muatnaik gambar (Choose Files), No Kad Pengenalan (680331025088), Gred Hakiki (44), Umur (52), Negeri (Kedah), Status Bumiputera (Bumiputera), and Status Perkahwinan (Berkahwin). Below this, the 'Maklumat Pejabat' section shows Kementerian (JABATAN PERDANA MENTERI), Jabatan (UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA), and Alamat (MAMPUARAS 1, BGN MKN-EMBASSY TECHZONE, BLOK B, JALAN TEKNOKRAT 2). A 'Kemaskini' button is at the bottom left.

SKRIN : MENU UTAMA SPK

Empat (4) menu utama SPK adalah:

- i. Profil Peribadi
- ii. Profil Perkhidmatan
- iii. Profil Kerjaya
- iv. Profil Pembangunan Kompetensi dan Kerjaya

Pegawai mestilah melengkapkan dan mengemaskini semua maklumat dalam Profil Peribadi, Profil Kerjaya dan Profil Kompetensi sebelum membuat permohonan SME. Permohonan SME hanya akan dibuka dalam SPK selepas hebahan pelawaan Permohonan SME ICT dipaparkan dalam Portal SPK.


Permohonan SME ICT terbuka kepada Pegawai Teknologi Maklumat gred F44 dan ke atas yang telah sah jawatan boleh membuat permohonan untuk dinilai dan seterusnya diiktiraf sebagai SME ICT Sektor Awam (Sila rujuk SME Handbook untuk maklumat lanjut SME ICT).

4. PERMOHONAN SME

Pegawai yang berhasrat untuk memohon SME ICT mestilah membuat permohonan melalui SPK. Pegawai mestilah mengisi dua (2) perakuan iaitu **Perakuan Pegawai** dan **Perakuan *Subject Matter Expert* (SME)**.

4.1. Perakuan Pegawai


Perakuan pegawai bagi mengesahkan semua maklumat yang dikunci masuk adalah benar. Klik butang 'HANTAR' untuk pengesahan.



SKRIN : PERAKUAN PEGAWAI

4.2. Perakuan *Subject Matter Expert* (SME)

Tab Perakuan SME hanya akan dipapar setelah pegawai menghantar PERAKUAN PEGAWAI dan paparan tab ini hanya wujud semasa permohonan SME ICT dibuka.



SKRIN : PERAKUAN SME

Keterangan :

1. Perakuan Permohonan Laluan SME

Semua kotak tersebut perlu ditanda menunjukkan pemohon memahami perkara tersebut.

- Saya mengaku dan mengesahkan maklumat projek bagi lima tahun terkini telah disahkan oleh penyelia / pihak bertanggungjawab. Pihak urus setia boleh membuat semakan dengan pihak-pihak lain yang relevan untuk memastikan kesahihan maklumat ini. Saya faham dan bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan dalam permohonan ini atau dokumen yang dikepulkan tidak benar atau tidak lengkap, maka permohonan saya boleh ditarik balik / ditamatkan / dibatalkan.
- Saya bersetuju memohon kemasukan ke Laluan Pakar Bidang Khusus (SME) Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat. Saya juga bersedia untuk menerima tawaran pelantikan sebagai SME jika berjaya.
- Saya ambil maklum, saya tidak boleh mengakses sistem selepas permohonan ini dihantar sehingga proses penilaian SME selesai.

2. Dokumen Sokongan


Pemohon perlu menyediakan justifikasi mengapa layak dipilih sebagai Pakar Bidang Khusus (SME) ICT (tidak lebih dari 300 patah perkataan). Justifikasi tersebut bersama-sama dengan **Surat Akuan Pinjaman Pendidikan, Borang Penilaian 360°, Perakuan Ketua Jabatan dan Surat Pengisytiharan Harta (5 tahun terkini)** perlulah dimuatnaik sebagai satu dokumen format PDF dan tidak melebihi 5MB).

3. Butang Hantar

Setelah perkara 1 dan 2 dipenuhi, klik butang 'HANTAR' untuk menghantar Perakuan Permohonan Laluan SME. Mesej Peringatan memaklumkan kepada pemohon bahawa capaian ke atas sistem akan DITUTUP sehingga proses proses penilaian selesai. Klik butang OK untuk menghantar Perakuan Permohonan Laluan SME.


Pegawai perlu klik untuk tandakan dan bersetuju pada setiap pernyataan Perakuan SME ICT beserta dokumen sokongan telah dimuatnaik dan tekan butang 'HANTAR'.

Mesej pengesahan sama ada pegawai ingin meneruskan permohonan SME dipaparkan seperti berikut:




SKRIN : PENGESAHAN MENGHANTAR PERMOHONAN LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS (SME ICT)

Sekiranya Perakuan Permohonan Laluan SME berjaya dihantar, mesej berikut akan dipaparkan.




SKRIN : STATUS BERJAYA PERAKUAN PERMOHONAN SME

Sebaliknya, jika Perakuan Permohonan Laluan SME tidak berjaya dihantar, mesej berikut pula akan dipaparkan.



SKRIN : STATUS RALAT PERAKUAN PERMOHONAN SME

Setelah pegawai BERJAYA menghantar permohonan, skrin SLIP PENGESAHAN SME dipaparkan seperti berikut:



Nama	ALI BIN ABU
No. Kad Pengenalan	810230035033
Tahap	TAHAP 3
Pilihan Bidang Teras	STRATEGI DATA DAN MAKLUMAT
Pilihan Bidang SME ICT	SAINS DATA
Tarikh & Masa	15-06-2020, 10:13 AM

Nota:
Penilaian Permohonan Kemasukan Pakar Bidang Khusus (SME) adalah mengikut syarat kriteria penilaian yang telah ditetapkan.

SKRIN : SLIP PENGESAHAN PENERIMAAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE LALUAN SME

Keterangan Butang:

1. LAPORAN PROFIL KERJAYA

Paparan Laporan Profil Kerjaya Pegawai. Cetak Laporan Profil Kerjaya untuk dikepilkan bersama Borang Perakuan Ketua Jabatan

2. PERAKUAN KETUA JABATAN

Borang Perakuan Ketua Jabatan untuk dikemukakan bersama Laporan Profil Kerjaya untuk diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. SLIP PENGESAHAN SME

Fungsi bagi membenarkan pegawai mencetak slip permohonan SME bagi tujuan simpanan/rekod.